

15/06/2001

Majlis ekonomi Islam minta PM kekal Menteri Kewangan

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Ekonomi Islam Malaysia hari ini menggesa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengekalkan jawatan Menteri Kewangan yang disandangnya.

Pengerusinya, Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman, berkata Perdana Menteri perlu terus menerajui Kementerian Kewangan untuk memastikan kesinambungan pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) tidak terjejas.

"Kita tidak kata menteri lain tidak layak memegang jawatan itu, tetapi memandangkan RRJP3 dan RM-8 baru bermula, jadi hanya Perdana Menteri yang dirasakan calon paling sesuai menerajuiinya.

"Untuk mengelakkan bebanan tugas, Dr Mahathir boleh melantik Menteri Kewangan Kedua bagi membantu beliau melaksanakan tugas di Kementerian Kewangan kelak," katanya pada sidang akhbar mengenai Pembentukan Ekonomi Melayu di sini, hari ini.

Dr Mahathir kini menjalankan tugas Menteri Kewangan selepas Tun Daim Zainuddin meletakkan jawatan pada 1 Jun lalu.

"Pengaruh Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan juga diperlukan untuk menyatupadukan seluruh komuniti kepimpinan ekonomi Islam dunia untuk menangkis segala ancaman arus globalisasi," katanya.

Majlis Ekonomi Islam Malaysia yang ditubuhkan semalam, adalah gabungan antara enam badan, termasuk Kongres Profesional Muslim Malaysia, Yayasan Pembangunan Ekonomi Belia, Yayasan Pelajar Islam Malaysia, Yayasan Azam Wanita, Yayasan Keusahawanan Islam serta Institut Kajian Perundangan.

Abdul Aziz yang juga Pengerusi Yayasan Keusahawanan Islam berkata, majlis itu akan turut menyampaikan gesaannya secara rasmi kepada Dr Mahathir sebelum 19 Jun ini dan mengalu-alukan badan dan pertubuhan lain untuk turut serta membuat gesaan yang sama.

"Kita berharap perwakilan ke perhimpunan agung Umno nanti akan turut mengemukakan usul berkenaan dan meluluskan resolusi bagi mendesak Dr Mahathir mengenalkan jawatan Menteri Kewangan," katanya.

Abdul Aziz turut meminta pertubuhan dan badan Islam lain di negara ini menyertai Kongres Profesional Muslim dan mereka yang berminat boleh menghubungi Yayasan Keusahawanan Islam 03-41436916.

(END)